



**Menteri Sumber Manusia Malaysia
(Minister of Human Resources)**

KENYATAAN MEDIA

PELANJUTAN TEMPOH KEBENARAN BEKERJA KEPADA PEKERJA ASING YANG MEMEGANG PAS LAWATAN KERJA SEMENTARA (PLKS) DAN TELAH MENCAPAI TAHUN PENGGAJIAN KE-10

1. Kutipan levi pekerja asing telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia sejak tahun 1992 dan ditanggung sepenuhnya oleh pekerja asing. Pada 25 Mac 2016, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya bayaran levi pekerja asing ditanggung oleh majikan berkuatkuasa 1 Januari 2018.
2. Pada 29 Ogos 2018, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi kelonggaran bagi melanjutkan tempoh kebenaran bekerja kepada pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan telah mencapai tahun penggajian ke-10. Kadar levi sebanyak RM10,000 setahun bagi setiap pekerja asing akan dikenakan serta ditanggung oleh majikan dan hanya dilaksanakan ke atas pekerja asing dalam sektor formal yang dibenarkan sahaja iaitu perkilangan, pembinaan, perladangan, perkhidmatan, pertanian serta perlombongan dan kuari tidak termasuk sektor yang dibekukan dan syarikat-syarikat penyumberluaran. Ini bagi membolehkan majikan mengekalkan pekerja asing mereka yang telah pun mempunyai kemahiran.
3. Walau bagaimanapun, kebenaran pelanjutan tempoh hanya terhad kepada maksimum tiga (3) tahun sahaja dan diperbaharui pada setiap tahun.
4. Pekerja asing berkenaan tidak layak memohon Permit Masuk atau taraf Pemastautin Tetap dan kewarganegaraan Malaysia. Pelanjutan tempoh kebenaran bekerja kepada pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) akan dilaksanakan mulai 1 Oktober 2018.

**M. KULASEGARAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
12 SEPTEMBER 2018
PUTRAJAYA**